

Lagi RM2.6b bagi pendidikan

Program Lonjakan Perdana bantu murid, guru luar bandar nikmati kemudahan

BH - 16/2/2007

Oleh Veena Rusli

SEMPORNA: Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi semalam mengumumkan peruntukan tambahan RM2.6 bilion bagi meningkatkan taraf pendidikan sekolah luar bandar di seluruh negara, yang akan memanfaatkan 2.2 juta pelajar.

Ini menjadikan peruntukan kepada Kementerian Pelajaran keseluruhannya berjumlah RM12.3 bilion, termasuk RM9.7 bilion yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, peruntukan besar itu akan digunakan bagi penyediaan infrastruktur merangkumi pembinaan bangunan sekolah, makmal komputer, penyediaan makanan tambahan dan penyaluran bekalan air serta elektrik.

"Walaupun peruntukan bagi Ke-

menterian Pelajaran sudah diluluskan di Parlimen, kita berasa kerajaan perlu mengeluarkan wang tambahan supaya segala usaha akan berhasil.

"Kita kasihan melihat anak-anak belajar di sekolah kurang selesa dan tiada kemudahan, sedangkan kita mahu mereka menjadi golongan bergilang ilmu supaya mampu memikul tanggungjawab apabila sudah bekerja.

"Kerajaan sedia tambah wang supaya apa yang dihasratkan dapat dicapai dalam masa singkat dan tidak mahu pelajar di luar bandar terpinggir," katanya ketika melancarkan Program Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar peringkat kebangsaan di Sekolah Pusat Sekolah Kebangsaan (SK) Bum Bum, di sini.

Ini julung kali kerajaan melaksanakan program sebesar itu bagi

INFO

Program Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar

Infrastruktur

- Bekalan elektrik 24 jam bagi 900 sekolah dan air bersih bagi 300 sekolah
- Kelas prasekolah bagi 60,900 kanak-kanak (2,436 kelas termasuk 41 bagi Orang Asli dan tambahan 17,500 komputer)
- Pembinaan sekolah pusat baru di Sabah dan Sarawak
- Penyediaan 9,079 bilik darjah sekolah rendah dan 6,039 bagi sekolah menengah
- Ubahsuai/naik taraf 2,046 sekolah rendah dan 569 sekolah menengah
- Penyediaan 281 asrama dan ubahsuai/naik taraf 170 asrama

Teknologi komunikasi dan maklumat

- Menambah makmal komputer dan pusat akses (tambahan 1,600 sekolah kepada 2,000 sedia ada)
- Penyediaan Web TV di 5,869 sekolah, kelengkapan

'teleconferencing' di 500 sekolah kurang murid, telefon satelit dan faksimili tanpa wayar di 200 sekolah

Insentif guru

- Elaun khas guru di pedalaman berdasarkan lokasi dan elaun balik kampung bagi lokasi Semenanjung-Malaysia Timur
- Pembinaan 3,438 unit rumah guru baru dan 802 projek naik taraf kediaman serta bekalan perabot

Program intervensi murid

- Peluasan mata pelajaran vokasional (MPV) dengan tambahan 480 bengkel
- Menambah 5,077 kelas pemulihan

Sokongan dan bantuan murid

- Tambahan peruntukan makanan asrama dari RM8 kepada RM12 seorang bagi 280,000 pelajar
- Tambah peruntukan rancangan makanan tambahan 550,000 murid

LIHAT MUKA 2

Elektrik 24 jam, air bersih di sekolah pedalaman

DARI MUKA 1

meningkatkan taraf pendidikan luar bandar. Turut menerima manfaat ialah guru yang bakal mendapat kemudahan tempat tinggal lebih baik dan elaun perkhidmatan.

Hadir sama ialah Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman; Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Effendi Norwawi; Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsudin serta Menteri

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal.

Abdullah berkata, beliau pernah melawat tempat tinggal guru di pedalaman ketika menjadi Menteri Pelajaran dulu dan di beberapa tempat, rumah untuk pekerja di tapak binaan lebih elok daripada rumah guru.

"Jika itu keadaannya, bagaimana guru sanggup mengajar di pedalaman? Selama ini mereka sanggup berkorban nak mendidik anak kita dan inilah wira sebenar dalam dunia pendidikan kita," katanya sambil me-

nambah insentif bagi guru di pedalaman akan diagih berdasarkan kriteria jarak kawasan.

Perdana Menteri turut memberi jaminan, bekalan elektrik 24 jam dan air bersih akan disalurkan ke sekolah yang belum menikmati kemudahan itu, selewat-lewatnya akhir tahun ini.

Pada sidang media selepas itu, beliau melahirkan keyakinannya terhadap kejayaan program berkenaan berdasarkan kesungguhan warga Kementerian Pelajaran melaksanakannya.

"Saya nampak segalanya dirancang dengan teliti dan kini mereka tidak perlu fikirkan soal duit lagi sebab peruntukan sudah ditambah, hanya tinggal untuk melaksanakannya," katanya sambil menambah dua lagi sekolah pusat akan dibina di Sabah.

Mengenai pemantauan pelaksanaan program itu, Abdullah berkata, tanggungjawab itu akan digalas Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (NITF) dan dilakukan secara berterusan bagi memastikan segala yang dirancang mencapai matlamat.